



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 10 MAC 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	42,700 KELAPA GAGAL DISELUDUP KE THAILAND, NASIONAL. BH -18 PGA RAMPAS KELAPA BERNILAI RM1.2 JUTA, LOKAL, HM -19 GAGAL SELUDUP 42,700 BIJI KELAPA KE THAILAND, NEGARA, KOSMO -12	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
4. 5.	TAWAR PULANGAN TUNAI, BISNES, HM -23 AGROBANK EXPANDS BIOFLOC TECHNOLOGY TO SCHOOLS, BILLING, THE STAR -6	AGROBANK
6. 7. 8. 9.	BERAS TEMPATAN: PENGILANG TUNJUK 'KUASA'?, DALAM NEGERI, UM -1 & 3 DUA SAHABAT CEBURI BIDANG TERNAKAN, KAMPUS, KOSMO -22 ILLEGAL LANDFILLING THREATENS SEBERANG PERAI PADI FIELDS, NATIONAL, THE SUN -4 ILLEGAL LANDFILLING UNCOVERED AT PADI FIELDS, NEWS, NST -7	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/3/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	18



Anggota PGA menahan tiga lelaki yang cuba menyeludup 42,700 biji kelapa di Pengkalan Kubor, Tumpat, kelmarin. (Foto ihsan PGA)

42,700 kelapa gagal diseludup ke Thailand

Tumpat: Pasukan Gerakan Am (PGA) mematahkan cubaan menyeludup 42,700 biji kelapa ke Thailand yang membabitkan nilai keseluruhan RM1.2 juta di pangkalan haram Bahaman, Pengkalan Kubor, malam Jumaat lalu.

Rampasan itu dilakukan Batalion 7 PGA menerusi Op Taring Wawasan jam 10.30 malam.

Komander Briged Tenggara PGA, Datuk Nik Ros Azhan Nik Ab Hamid, berkata rampasan dilakukan selepas pihaknya menahan tiga lelaki yang disyaki menyeludup kelapa di stor pangkalan haram.

Pemeriksaan mendapati, sebanyak 42,700 biji kelapa ditemui dalam sebuah treler dipercayai

untuk diseludup ke Thailand.

“Tiga lelaki tempatan berusia 22 hingga 38 tahun dipercayai menjadi penghantar untuk menyeludup kelapa berkenaan ke Thailand.

“Anggaran nilai rampasan keseluruhan bernilai RM1.2 juta termasuk kenderaan dan kes disiasat di bawah Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 (FAMA).

“Semua suspek dan barang rampasan dibawa ke Komtak PGA Pengkalan Kubor untuk tindakan selanjutnya,” katanya ketika dihubungi.

PGA akan terus mempergiatkan usaha bagi mengekang kegiatan penyeludupan dari terus berleluasa di sempadan negara.



TIGA lelaki tempatan ditahan dipercayai menjadi penghantar kelapa ke Thailand. Gambar kecil: Nik Ros Azhan.

TRELER DISEKAT SEBELUM MEMASUKI NEGARA JIRAN

PGA rampas kelapa bernilai RM1.2 juta

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
nfazlina@nstp.com.my

Tumpat

Pasukan Gerakan Am (PGA) berjaya menatuhkan cubaan menyeludup sebanyak 42,700 biji kelapa ke Thailand yang membabitkan nilai keseluruhan RM1.2 juta di pangkalan barang Bahaman, Pengkalan Ku-

bor di sini, Jumaat lalu. Rampasan itu dilakukan Batalion 7 PGA menerusi Op Taring Wawasan jam 10:30 malam.

Komander Briged Tenggara PGA, Datuk Nik Ros Azhan Nik Ab Hamid, berkata rampasan dilakukan selepas pihaknya menahan tiga lelaki yang disyaki menyeludup kelapa di stor pangkalan haram.

Katanya, hasil pemeriksaan mendapati terdapat

sebanyak 42,700 biji kelapa ditemui di dalam sebuah treler dipercayai untuk diseludup masuk ke Thailand.

Tiga lelaki tempatan berusia 22 hingga 38 tahun itu dipercayai menjadi penghantar untuk menyeludup kelapa berkenaan ke negara Thailand.

"Anggaran nilai rampasan keseluruhan bernilai RM1.2 juta termasuk ken-deraan dan kes disiasat di

bawah Akta Lembaga Pe-masaran Pertanian Perse-kutuan 1965 (Fama).

"Kesemua suspek dan barang rampasan dibawa ke Komtak PGA Pengkalan Kubor untuk tindakan se-lanjutnya," katanya ketika dihubungi.

Jelasnya, PGA akan terus mempergiatkan usaha bagi mengekang kegiatan pe-nyeludupan dari terus ber-leluasa di sempadan ne-gara.

Gagal seludup 42,700 biji kelapa ke Thailand

- **PGA tahan 3 lelaki di pangkalan haram bersama treler**
- **Nilai rampasan dianggar RM1.2 juta**

Oleh MUHAMMAD
AYMAN GHAFFA

TUMPAT – Batalion 7 Pasukan Gerakan Am (PGA) merampas 42,700 biji kelapa yang cuba diseludup ke Thailand selepas menyerberu sebuah stor di pangkalan haram di Jalan Kasban, di sini pada Jumaat lalu.

Komander Briged Tenggara PGA, Datuk Nik Ros Azhan Nik Ab Hamid berkata, dalam serbuan menerusi Op Taring Wasan Kelantan pada pukul 10.30 malam itu, tiga lelaki berusia 22 hingga 38 tahun yang bertindak sebagai penghantar ditahan untuk membantu siasatan.

Katanya, kesemua kelapa itu dijumpai oleh anggota PGA selepas membuat pemeriksaan di dalam treler yang berada di kawasan tersebut.

"Nilai keseluruhan rampasan termasuk sebuah treler dianggarkan bernilai RM1.2 juta.

"Siasatan lanjut yang dilaku-

kan mendapati, tiga lelaki terabit disyaki berperanan sebagai penghantar untuk menyeludup kelapa tersebut ke negara jiran.

"Ketiga-tiga suspek dan barangan rampasan dibawa ke kompeni taktikal PGA Pengkalan Kubor untuk tindakan lanjut," katanya ketika dihubungi semalam.

Nik Ros Azhan memberitahu, kes disiasat mengikut Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965.

Beliau berkata, PGA akan terus mempergiatkan usaha bagi mengekang kegiatan penyeludupan dari terus berleluasa di sempadan negara.



TIGA lelaki ditahan kerana cuba menyeludup sebanyak 42,700 biji kelapa ke Thailand di stor pangkalan haram di Jalan Kasban, Tumpat Jumaat lalu.
— IHSAN PGA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/3/2025	HARIAN METRO	BISNES	23

Tawar pulangan tunai

Agrobank lancar kempen Raikan Wanita Dengan Kad Debit AGRO-i

Oleh Sri Ayu Kartika Amri
kartika@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

Agrobank melancarkan kempen Raikan Wanita Dengan Kad Debit AGRO-i yang menawarkan pulangan tunai menarik sempena Hari Wanita Antarabangsa 2025.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin **(gambar)** berkata, Agrobank menghargai jasa dan pengorba-



nan wanita yang bukan sahaja berperanan sebagai tulang belakang dalam insititusi keluarga, tetapi juga memberi sumbangan yang besar kepada kelestarian ekonomi negara.

Katanya, ini menunjukkan peranan mereka tidak terhad di dalam rumah sahaja.

“Oleh itu, kempen Raikan Wanita Dengan Kad Debit AGRO-i ini dirangka untuk memberi penghargaan buat kaum wanita.

“Selain itu, inisiatif ini juga meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat mengenai perkhidmatan kewangan komprehensif yang ditawarkan Agrobank,” katanya dalam kenyataan.

Kempen bermula dari 8 hingga 12 Mac ini terbuka kepada semua pelanggan wanita Agrobank yang memiliki Kad Debit AGRO-i.

Sepanjang tempoh

kempen eksklusif ini, pelanggan wanita Agrobank yang berusia 18 tahun dan ke atas berpeluang menikmati pulangan tunai sebanyak 15 peratus.

Pelanggan perlu membuat perbelanjaan minimum RM50 di mana-mana kedai fizikal menggunakan Kad Debit AGRO-i.

Tengku Ahmad berkata, selain menawarkan kemudahan pembiayaan yang menyumbang kepada kelestarian rantaian makanan, Agrobank juga memberi tumpuan kepada penyelesaian kewangan yang menyeluruh bagi memenuhi keperluan harian pelanggan.

Menurutnya, tawaran pulangan tunai yang menarik terbahagi memberi

ganjaran kepada wanita, dalam setiap keputusan kewangan mereka, di samping memacu ekonomi melalui peningkatan kuasa beli mereka.

“Penggunaan kad debit secara kerap untuk memperoleh pulangan tunai memudahkan pelanggan kerana tiada proses penubusan yang rumit.

“Pelanggan wanita Agrobank hanya perlu berbelanja dan dapatkan pulangan tunai sehingga RM50,” katanya.

Selain itu, melalui pelancaran kempen ini, Agrobank komited menawarkan perkhidmatan kewangan yang mudah diakses, di samping memperkukuh peranan wanita dalam memacu ekonomi.

“Selain itu, inisiatif ini juga meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat mengenai perkhidmatan kewangan komprehensif yang ditawarkan Agrobank”

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin

Agrobank expands biofloc technology to schools

PETALING JAYA: Agrobank, an agricultural financing and value-based intermediary bank, continues to promote the use of biofloc technology in the aquaculture sector by involving students from the Upper Secondary Vocational Programme (PVMA) and the Integrated Special Education Programme (PPKI).

Through the "Aquaculture Aspire Agrobank" programme introduced last year, 10 schools across Peninsular Malaysia received biofloc technology sets, with costs ranging from RM14,000 to RM15,000, depending on additional requirements such as the Internet of Things (IoT) Air Pressure Monitoring System.

The participating schools are Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sri Kukup, Pontian (Johor); SMK Sri Perpath, Gemas (Negri Sembilan); SMK Nyalas, Jasin (Melaka); SMK Jalan Kebun, Shah Alam (Selangor); Sekolah Menengah Pendidikan Khas (SMPK) Vokasional Kuantan (Pahang); SMK Meranti, Pasir Mas (Kelantan); SMK

Renek, Jerreh (Terengganu); SMPK Vokasional Merbok (Kedah); SMK Sultan Abdul Aziz, Teluk Intan (Perak); and SMK Syed Ahmad, Kangar (Perlis).

SMK Meranti principal Mohammad Razuki Derahman said this programme not only provides PPKI students with valuable knowledge, but also hands-on experience in managing an aquaculture ecosystem.

"This project is highly beneficial as it allows students to be directly involved in maintaining the aquaculture system, including feeding the fish, monitoring water quality, oxygen levels and temperature, and ensuring a suitable environment for aquatic organisms to thrive.

"Additionally, this technology reduces water consumption in aquaculture systems, while improving water quality for tilapia farming," he told *Bernama*.

The principal added that the students are excited to explore new knowledge in aquaculture, particularly in feeding tilapia fish twice a day and monitoring the

water quality in the breeding ponds.

Meanwhile, Agrobank president and chief executive officer Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin stated that this programme is part of Agrobank's corporate social responsibility initiative, aimed at equipping students with biofloc technology skills while also helping schools generate income through fish sales.

"In the long term, Agrobank aims to extend biofloc technology for tilapia farming to 10 more schools this year.

"Through this programme, we strive to create a learning environment that integrates theory and practice beyond the classroom, enabling students to explore career opportunities in aquaculture," he said.

Previously, the Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu stated that each selected school would receive a pond measuring 5.49m and 1,500 tilapia fry, providing students with exposure to modern fish farming technology.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/3/2025	UTUSAN MALAYSIA	MUKA DEPAN	1

Beras tempatan: Pengilang tunjuk 'kuasa'?

Oleh **ARIF AIMAN ASROL**
aiman.asrol@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Pengilang beras didakwa mula menunjukkan 'kuasa' apabila meminta bayaran tunai daripada peruncit bagi mendapatkan bekalan beras putih tempatan (BPT) yang masih kurang di pasaran.

Perkara itu didedahkan Presiden Persatuan Peruncit Bumiputera, Datuk Ameer Ali Mydin yang berkata, terdapat pengilang beras meminta bayaran tunai jika peruncit mahukan bekalan BPT, tanpa mengikut perjanjian dagangan sedia ada.

Bersambung di muka 3

Beras tempatan: Pengilang tunjuk 'kuasa'?

Dari muka 1

Menurut beliau, tindakan itu menimbulkan kemusykilan kerana ia hanya untuk bekalan BPT, tidak membabitkan beras import yang boleh mengikut perjanjian sedia ada iaitu bayaran boleh dibuat 30 hari selepas pengilang menghantar bekalan.

“Bukan kita tidak boleh bayar, tetapi pembekal-pembekal yang besar ini mempunyai sistem, ini bukan kedai mamak, awak hantar dua bungkus barang lepas itu terus mintak duit. Kena berfikir sedikit mengenai perkara ini.

“Untuk pasar raya, dia kena hantar ke gudang dan barang itu akan turun ke cawangan-cawangan lain. Kemudian, buat kiraan lalu ibu pejabat kena semak balik serta memerlukan tiga orang untuk tandatangan. Ini prosesnya,” katanya kepada

Utusan Malaysia.

Terdahulu, media melaporkan, peniaga termasuk pengusaha pasar raya masih belum menerima bekalan BPT walaupun dikatakan beras tersebut memasuki pasaran bermula awal bulan ini.

Ameer Ali yang juga Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holdings Bhd. (Mydin) berkata, beliau sangsi dengan pengilang yang meminta bayaran secara tunai walaupun sudah bertahun berurusan dengan pasar raya.

“Apa bezanya dulu dan sekarang? Bezanya, sekarang barang (beras BPT) tidak cukup, maknanya dia (pengilang) hendak main. Dulu tidak ada masalah, kenapa sekarang ia menjadi masalah pula?

“Pengilang ini apabila barang tidak cukup, dia hendak guna dia punya kuasa. Awak hendak barang maka perlu bayar tunai tetapi barang tidak cukup di-

sebabkan awak punya masalah, dia yang simpan barang itu.

“Macam mana apabila kerajaan beri subsidi RM150 juta, secara tiba-tiba bekalan BPT ada banyak pula? Sedangkan sudah dua tahun kita tidak nampak ‘bayangnya’. Apa logikanya? Jangan salahkan pasar raya dalam hal ini,” katanya.

Beliau berkata, meminta bayaran tunai untuk bekalan BPT merupakan alasan dari pengilang yang enggan membekalkan makanan ruji itu ke pasar-pasar raya.

Mengulas keadaan semasa bekalan BPT, Ameer Ali berkata, pengilang menghantar jumlah yang sangat sedikit kepada pasar raya menyebabkan ia cepat habis dan sukar untuk dibeli pengguna lain.

“Pembekal hantar dua kali untuk seminggu dan satu ke- dai hanya dapat 50 ke 100 kampil BPT tetapi kita memer-

lukan sekurang-kurangnya 500 kampil untuk satu hari. Kita juga tidak tahu berapa banyak kampil beras yang pembekal akan hantar,” jelasnya.

Katanya, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) perlu memanggil pasar raya-pasar raya besar bersama dengan pembekal atau pengilang untuk berbincang mengenai penghantaran bekalan BPT.

“Sebagai contoh, pembekal A, B dan C akan hantar bekalan BPT ke Mydin, untuk pasar raya lain pula pembekal selebihnya akan hantar. Perlu juga makluman dalam satu bulan berapa kampil akan dihantar. Ini baru jelas.

“Ini ada pembekal kata mereka akan hantar, ada pula kata tiada bekalan. Sedangkan kita bayar pembekal, kita seolah-olah jadi pengemis pula,” katanya.

Dua sahabat ceburi bidang ternakan

Kerjaya TVET

Oleh FARID AHMAD TARMUJI

KETIKA generasi muda yang lain lebih berminat memilih kerja kolar putih dan glamor, ia tidak bagi Mohamad Hafizi Ismail, 29, dan Muhammad Zaidulfaiz Sobri, 29.

Dua sahabat yang berasal dari Kuala Nerang, Kedah ini memilih untuk terlibat dalam dunia penternakan dan bersama-sama menubuhkan Tekun Lestari Agro Farm dengan memelihara kambing dan lembu.

Mohamad Hafizi berkata, minat yang mendalam dalam bidang perniagaan telah membuatkan mereka berdua memilih untuk menceburi diri dalam bidang penternakan meskipun masing-masing sebenarnya merupakan graduan Universiti Malaya dalam bidang Pengajian Islam.

Mereka menceburi kerjaya dalam bidang penternakan setelah mengambil kursus sijil penternakan di Tenang Agro Farm di Kuala Nerang selama enam bulan.

"Pada 2021 kami berdua menyertai Program Hijrah Asnaf Ruminan yang dikendalikan oleh Agrobank. Di bawah program itulah kami mengambil kursus sijil penternakan di Tenang Agro Farm," katanya.

Sepanjang tempoh enam bulan, banyak ilmu berkaitan penternakan yang mereka berdua belajar.

Antaranya, mereka mempelajari bagaimana cara untuk memelihara lembu dan kambing dengan betul, cara mengawal penyakit, pemasaran hasil ternakan dan pelbagai lagi.

Setelah tamat program tersebut, Mohamad Hafizi dan rakannya secara serius melibatkan diri dalam bidang ternakan.

Menurutnya, mereka memulakan



MOHAMAD HAFIZI (kanan) dan rakannya mengusahakan ternakan kambing dan lembu.



DUA sahabat berstatus graduan universiti ini pernah meraih anugerah dalam Anugerah Agropreneur Agrobank 2022.



SEBAHAGIAN daripada 23 ekor lembu di Tekun Lestari Agro Farm.

perniagaan dalam bidang ternakan itu dengan bermulakan dua ekor lembu sahaja.

"Agrobank bekerjasama dengan Lembaga Zakat Kedah memberikan kami dua ekor lembu ini sebagai permulaan.

"Kemudian kami menjual lembu itu untuk ibadah korban dan wang yang dapat kami jadikan sebagai modal untuk membeli kambing.

"Dengan keuntungan menjual kambing, kami gunakannya untuk membangunkan ladang ternakan untuk kami memelihara kambing dan lembu," ujarnya.

Usaha yang mereka lakukan itu ternyata membuahkan hasil dan ladang ternakan mereka terus berkembang.

Kini, setelah lebih empat tahun beroperasi mereka memelihara lebih 23 ekor lembu dan 25 ekor kambing.

Selain memelihara lembu dan kambing dan menjualnya secara hidup, mereka juga turut menyediakan pakej korban dan juga akikah untuk para pelanggan.

Dalam masa sama, mereka turut menjual daging lembu perap dan kambing perap.

"Mempelbagai produk adalah salah satu cara untuk kami menggandakan keuntungan berbanding menjual lembu atau kambing yang ditenak secara hidup sahaja.

"Kami turut menjual kambing golek dan menyediakan perkhidmatan siap masak untuk para pelanggan yang mengambil pakej akikah dengan kami," jelas Mohamad Hafizi yang memberitahu mereka juga mendapat bimbingan daripada Agrobank Centre of Excellence (ACE) untuk menguruskan perniagaan tersebut ketika mengikuti program berkenaan.

Menurutnya, sehingga kini mereka masih berhubung dengan pihak ACE untuk mendapatkan khidmat nasihat.

"Mereka banyak memberi latihan kepada kami bagaimana untuk berniaga termasuk kami diajar untuk mengurus kewangan, pemasaran produk dan sebagainya.

"Bimbingan seperti ini sangat membantu kerana ketika mula-mula terlibat dalam bidang ini, kami tiada asas dalam bidang perniagaan," ujarnya.

Tambahnya, pemilihan mengikuti Program Hijrah Asnaf Ruminan itu adalah satu keputusan tepat yang dilakukan dan kini bidang penternakan telah menjadi sumber pendapatan utama mereka berdua.

Malah, untuk masa hadapan mereka berdua juga mempunyai perancangan untuk mengembangkan lagi skala ladang penternakan yang diusahakan.

Kerja keras mereka berdua menceburi diri dalam bidang penternakan ternyata membuahkan hasil apabila menerima Anugerah Agropreneur Agrobank 2022 bagi kategori Anugerah Khas Ikon Inkubator.

Dalam pada itu, Mohamad Hafizi juga menitip pesan kepada generasi muda di luar sana untuk turut sama melibatkan diri dalam bidang penternakan. Ini penting bagi memastikan keterjaminan makanan negara sentiasa mencukupi.

"Kita perlu lebih ramai anak muda untuk terlibat dalam bidang ini kerana sumber makanan berasaskan haiwan ternakan amat diperlukan.

"Generasi muda ini mempunyai banyak idea dan mereka boleh mengembangkannya dalam skala lebih besar sekali gus dapat membantu menjamin keterjaminan makanan negara," katanya.

Illegal landfilling threatens Seberang Perai padi fields

BUKIT MERTAJAM: The Seberang Perai City Council has identified 61 locations across Seberang Perai where unauthorised landfilling of padi fields has taken place since last year.

Mayor Datuk Baderul Amin Abdul Hamid said padi fields were designated as granary zones and any unauthorised activity on agricultural land was prohibited to protect food security and the food chain.

He said the council would not compromise on the issue and stressed that action would be taken under the Street Drainage and Building Act 1974 against any party violating the law.

"Based on our records, there are 28 cases in North Seberang Perai, 26 in Central Seberang Perai and seven in South Seberang Perai, involving multiple lots. All these areas are under the council's monitoring.

"However, we are facing difficulties in taking action because they seem to be tracking our movements and the machinery is never at the site when we carry out operations. Last year alone, we seized 28 lorries but despite extensive investigations and undercover operations, many more remain," he said after inspecting two padi fields in Permatang Ara, Permatang Pauh, yesterday.

Baderul Amin said the issue arose when the land was divided into smaller lots and sold to individuals who were unaware that building houses on padi fields was an offence.

"We allow houses on padi fields, but only those related to agriculture. The issue arises when the land is divided and private homes are built. When the case is taken to court, the land broker's name is nowhere to be found, and only the buyer's name is there," he said. – Bernama

10/3/2025

NST

NEWS

7

LORRY SEIZED

Illegal landfilling uncovered at padi fields

AUDREY DERMAWAN
PERMATANG PAUH
audreymd@nst.com.my

TWO private land lots in Mukim 5, Permatang Ara, have been found to be the site of unauthorised landfilling.

The lots, covering an area larger than a football field, are designated as padi fields, but authorities believe the landfilling was not for agricultural purposes, but other uses.

State Local Government, Town and Country Planning Committee chairman H'ng Mooi Lye led an inspection at the site yesterday.

He was accompanied by Seberang Prai City Council Mayor Datuk Baderul Amin Abdul Hamid.

H'ng said they first received a complaint on Aug 24 last year,

and checks on Aug 26 found unauthorised landfilling at one of the two lots.

He added that a notice was issued at the site.

He said random checks between Sept 1 and Dec 31 found no further activity.

"On Jan 7 this year, landfilling began again, this time involving a second lot. A notice was issued again. An operation to create a road into both lots was carried out to prevent any unauthorised work.

"However, on Thursday, the City Council again received a complaint of work being carried out at both lots. Immediate action was taken and a lorry at the site was seized.

"An investigation paper has been opened and prosecution action will follow suit.

"We will not tolerate any such action and we will not hesitate to



Penang Local Government, Town and Country Planning Committee chairman H'ng Mooi Lye (in white) conducting a site inspection in Mukim 5, Permatang Ara, yesterday. NSTP PIC BY MIKAIL ONG

act against the culprits," he said. H'ng said strict monitoring would be conducted to put a stop to any unauthorised earthwork.

H'ng added that although the lots were private land, action could be taken for any violation. "The work carried out is not for planting purposes, let alone padi

planting. It is disappointing that padi fields are being developed for other purposes."

Baderul said such cases were not isolated, with similar incidents occurring across Seberang Prai.

He said last year, there were 28 cases in the Seberang Prai Utara district, 26 in Seberang Prai Tengah and seven in Seberang Prai Selatan.

He claimed that in the March 6 case when a lorry was seized, the other party brought 30 lorries to the site, seemingly in protest.

"We will not be intimidated and will continue to take stern action."